



PERANCANGAN HARTA ISLAM

Buku ini membincangkan konsep dan kepentingan perancangan harta menurut Islam. Ia dimulakan dengan perbincangan berkenaan hukum faraid sebagai asas perancangan harta. Seterusnya, dibincangkan mengenai *wisayah*, iaitu satu prinsip penting dalam pelaksanaan merancang harta itu sendiri. Selain *wisayah*, prinsip amanah atau *trust* turut dibincangkan bagi melihat sejauh mana kepentingan instrumen sivil itu dalam perancangan harta Islam. Buku ini juga membincangkan prinsip hibah yang pada masa kini sering dijadikan “produk” yang ditawarkan dalam industri perancangan harta. Selain membahaskan perkara-perkara asas seperti rukun hibah, penulis turut mengutarakan isu hibah harta yang masih bercagar dan hibah manfaat harta. Seiring dengan hibah sebagai instrumen pemberian semasa hidup, prinsip wasiat sebagai instrumen pemberian selepas kematian turut dibincangkan. Seterusnya ialah perbincangan berkaitan harta sepencarian yang keabsahannya telah diakui berasaskan adat setempat dan tidak bertentangan dengan prinsip Islam. Antara yang dibincangkan ialah peruntukan undang-undang berkaitan Harta Sepencarian di Malaysia dan penentuan kadar pembahagiannya. Instrumen yang terakhir ialah wakaf sebagai medium bagi pemilik harta melakukan kebajikan dalam konteks perancangan hartanya. Perbincangan merangkumi konsep wakaf, latar belakang dan tatacara berwakaf di Malaysia. Setelah membincangkan prinsip-prinsip syariah sebagai instrumen perancangan harta secara teori dan amalannya di Malaysia, buku ini diakhiri dengan perbincangan berkaitan kerjaya dalam pengurusan harta Islam yang sebenarnya mempunyai prospek yang begitu baik.



Entrepreneurship
is Our Thrust

press.umk.edu.my f Penerbit UMK umkpress penerbit@umk.edu.my



RM 60.00



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



PERANCANGAN HARTA ISLAM

PERANCANGAN HARTA ISLAM

NASRUL HISYAM NOR MUHAMAD
MOHD KHAIRY KAMARUDIN
AZWAN ABDULLAH